

SOALAN NO.47

JAWAPAN: **Y.B. SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman,

Kajian daya maju untuk Projek HSR telah dibentang di Majlis Ekonomi pada Jun 2013 dan Majlis Ekonomi telah mengarahkan SPAD untuk memulakan projek fasa seterusnya, iaitu fasa 2A, yang pada masa ini sedang dijalankan.

- (a) Dari segi *ridership* atau jumlah penggunaan, adalah dianggarkan pada tahun ke-10 operasi, seramai 18 juta penumpang setahun atau 49,315 penumpang sehari akan menaiki HSR, melalui perkhidmatan ekspres dan transit yang disediakan. Tambahan lagi, Kuala Lumpur dan Singapura merupakan dua bandar penumpuan ekonomi di Asia Tenggara.
- (b) Kedua-dua negara sedang dalam proses meneliti dan membincangkan aspek-aspek teknikal, komersil dan perundangan projek. Keputusan jangkaan kos operasi, kos pembinaan, ambil alih tanah, pembelian tren dan jangkaan harga tiket masih belum dimuktamadkan pada masa kini.

Sekian, terima kasih.